



Ruj. Kami : JPA(L)S.175/4/1-1 Klt.22 (21)
Tarikh 2 November 2015 / 20 Muharram 1437H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-Ketua Jabatan / Perkhidmatan Persekutuan
Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN HAD UMUR BAGI PERMOHOHAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH LANJUTAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, berdasarkan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa, kemudahan cuti belajar bermatlamat untuk melengkapkan penjawat awam dengan kemahiran / kepakaran serta ilmu pengetahuan di peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa jabatan ini telah mengkaji semula had umur maksimum bagi melayakkan pegawai-pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) memohon kemudahan Cuti Belajar. Had umur maksimum telah dinaikkan daripada **43 tahun kepada 45 tahun** bagi peringkat Ph.D dan **45 tahun kepada 50 tahun** bagi peringkat Sarjana mulai penawaran tahun 2015. Pindaan had umur kelayakan cuti belajar adalah selaras dengan pelanjutan usia persaraan wajib pada umur 60 tahun. Ia juga adalah untuk membuka lebih peluang kepada pegawai untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan bagi pembangunan kompetensi pegawai.



4. Adalah diharapkan dengan pindaan had umur ini, ianya akan memberi lebih peluang kepada penjawat awam untuk melanjutkan pengajian dengan kemudahan cuti belajar.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATIN DR. ROSSLINA BINTI AHMAD MOKHTAR)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA